

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 6 SEPTEMBER 2014 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Tidak sekat FB	Harian Metro
2	Pegawai ditahan miliki simpanan lebih RM1 juta	Berita Harian
3	Rakyat Malaysia terima pengiktirafan	Berita Harian
4	Azizan saintis pertama Malaysia dipilih Naib Presiden SCAR	Utusan Malaysia
5	Panik kunak bergegar	Harian Metro
6	Amaran angin kencang dan laut bergelora	Bernamea.com
7	Amaran angin kencang dan laut bergelora berterusan sehingga Selasa	Bernamea.com
8	Jabatan Meteorologi diminta maklum lebih awal ramalan berlaku hujan lebat	Bernamea.com
9	Gempa bumi sederhana landa Hokkaido	Bernamea.com

## Tidak sekat FB

**Cyberjaya:** Kerajaan tidak ber-cadang menyekat penggunaan laman sosial Facebook (FB) dengan alasan ia boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan sosial kanak-kanak dan remaja bersekolah di negara ini.

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Datuk Mohamed Sharil Mohamed Tarmizi sebaliknya berkata, penggunaan medium itu sama ada dengan cara positif atau negatif boleh dididik ibu bapa remaja dan kanak-kanak berkenaan.

"Kenapa bila timbul isu begini kerajaan dipersalahkan, suruh sekat sana, sekat sini sedangkan ia boleh diatasi sekiranya ibu bapa atau penjaga memainkan peranan memantau aktiviti anak mereka di laman sosial.

"Pendidikan hari ini boleh berlaku di semua peringkat dan bagi saya ini semua perlu berbalik kepada tanggungjawab ibu bapa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pembentangan Laporan Kaji Selidik Kebangsaan CyberSAFE 2014, Jaringan Keselamatan: Pembinaan Keupayaan Di kalangan Kanak-kanak Sekolah Malaysia di SKMM di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif DiGi.Com Bhd. Lars-Ake Norling.

Mengulas lanjut Mohamed Sharil berkata, setiap ibu bapa perlu mempunyai sistem mendidik anak agar lebih berhemah dan beretika ketika menggunakan laman sosial bagi mengelak ia digunakan dengan cara yang tidak mendatangkan

manfaat.

Sementara itu dalam perkembangan lain beliau berkata, kaji selidik itu dilakukan pihaknya dengan kerjasama syarikat telekomunikasi DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) dan Kementerian Pendidikan terhadap 13,945 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang berumur antara sembilan dan 19 tahun di 500 sekolah.

"Hasilnya didapati, kira-kira 83 peratus daripada pelajar berkenaan tidak melindungi diri mereka ketika menggunakan Internet, sekali gus terdedah menjadi mangsa buli siber.

"Sebanyak 25 peratus pelajar pernah menjadi mangsa buli siber dan 45 peratus mendedahkan pengalaman buruk itu kepada ibu bapa, rakan dan adik beradik bukan guru atau kaunselor sekolah," katanya.

Baru-baru ini Harian Metro turut melaporkan seorang daripada empat pelajar sekolah di negara ini mengakui pernah menjadi mangsa buli di alam siber sehingga mendorong segelintir mereka memasang niat mahu membunuh diri akibat tekanan perasaan melampau.

Laporan menyebut, kajian pertama berkenaan membabitkan 9,651 pelajar di 459 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara itu turut mendapati kes buli siber sangat serius.

Berdasarkan laporan yang diterima menerusi Pusat Bantuan Cyber999, kes buli siber meningkat daripada 250 kes pada 2012 kepada 389 kes tahun lalu menakala 26 peratus atau 2,509 pelajar mengaku pernah menjadi mangsa buli siber selain 1,255 pelajar lagi mengaku mereka sedang menjadi mangsa buli.

## Pegawai ditahan miliki simpanan lebih RM1 juta

**Kuala Lumpur:** Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati seorang daripada pegawai kastam yang ditahan kerana disyaki bersebab dengan sindiket penyeludupan arak dan rokok di Zon Bebas Cukai Pelabuhan Klang (PKFZ) Selangor, Rabu lalu, me-

miliki wang simpanan dianggarkan lebih RM1 juta.

### Teliti rekod peribadi

Menurut sumber, perkara itu terbongkar selepas Pasukan Tugas Khas diketuai oleh Pejabat Peguam Negara dan SPRM dengan kerjasama Bank Negara,

polis, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan **Cyber Security Malaysia** meneliti rekod akaun peribadi pegawai terbabit, isteri dan anaknya.

Katanya, SPRM juga merampas sejumlah wang tunai ketika serbuan di kediamannya, bebe-

rapa hari lalu.

"Kita juga menyita beberapa kenderaan milik pegawai terbabit yang dikatakan mempunyai kaitan dengan kes rasuah serta penyeludupan arak dan rokok haram di PKFZ yang sedang disiasat SPRM sekarang.

### Siasat sumber kekayaan

"Bagaimanapun, kita masih menjalankan siasatan bagi mengetahui jumlah dan sumber sebenar kekayaan dimiliki pegawai kastam berkenaan dan ahli keluarganya," katanya yang enggan mengulas lanjut ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan *BH* semalam bahawa sebanyak 207 akaun bank dengan nilai simpanan kira-kira RM6 juta milik pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan anggota sindiket dibekukan serta-merta.

Kelmarin, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull dalam kenyataannya berkata, pelbagai harta milik pegawai kastam dan anggota turut disita, termasuk 10 kenderaan mewah, sebuah lot rumah kedai dan wang tunai berjumlah RM3 juta.

# Rakyat Malaysia terima pengiktirafan

» Dr Azizan  
dilantik  
Naib Presiden  
SCAR wakili  
rantau Asia

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**engarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC), Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah menjadi rakyat Malaysia pertama dipilih memegang jawatan Naib Presiden Jawatankuasa Sain-

fik bagi Penyelidikan Antartika (SCAR) mewakili rantau Asia.

#### Tempoh jawatan 3 tahun

Beliau yang mengetuai ekspedisi penyelidikan sains Malaysia pertama ke Scoot Base, Antartika pada tahun 1999, akan memegang jawatan itu bersama tiga lagi Naib Presiden SCAR bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 yang diumumkan semalam.

Azizan dipilih selepas Malaysia diumumkan akan menjadi negara pertama dari rantau Asia menganjurkan mesyuarat Dwitahunan SCAR dan Persidangan Sains Terbuka pada tahun 2016.

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan dalam kenyataan berkata, Azizan ber-

sama Jawatankuasa SCAR yang bertindak di bawah Majlis Sains Antarabangsa (ICSU), bertanggungjawab mencetus, mempromosi dan menyelaras aktiviti penyelidikan saintifik di Antartika.

"SCAR yang ditubuhkan pada tahun 1958 ketika ini dianggotai 31 negara seluruh dunia, bersama enam ahli bersekutu dan sembilan ahli perubuhan saintifik.

#### Anjur mesyuarat SCAR

"Pelantikan ini adalah satu penghormatan kerana pada tahun 2016, kita akan menganjurkan mesyuarat Dwitahunan SCAR dan Persidangan Sains Terbuka yang bakal dihadiri kira-kira 1,000 peserta terdiri daripada saintis, penye-



Azizan Abu Samah

lidik dan penggubal dasar," katanya.

Azizan yang berasal dari Jitra, Kedah, terbabit dalam aktiviti penyelidikan di Antartika mulai tahun 1998 dan dilantik mengetuai Projek Penyelidikan 'Antartic Boundary Layer,' pencerapan di Ross Ice Shelf pada tahun 1999.

Pada tahun 2002, beliau bersama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terbabit dalam Ekspedisi Benua Antartika dan banyak melakukan kajian berkaitan geografi, gelombang graviti dan pemantauan di Antartika.

